

**NO. SOALAN : 16**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]**  
**TARIKH : 06.03.2018 (SELASA)**

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibü ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan kaedah Kedai Rakyat 1Malaysia 2.0 dilaksanakan. Berapakah jumlah peruntukan akan dihulurkan oleh Kerajaan dan apakah sebab Kedai Rakyat 1Malaysia 1.0 gagal.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Pembangunan semula inisiatif KR1M melalui KR1M 2.0 dilaksanakan dengan pihak Kerajaan memperkenalkan model perniagaan baharu di dalam KR1M 2.0. Model perniagaan baharu ini melibatkan kerjasama antara pihak Kerajaan dengan rakan kongsi strategik KR1M 2.0 yang mana melalui model ini perniagaan tersebut adalah dikendalikan sendiri oleh pemilik perniagaan (*owner-operator*) dan pemasangan papan tanda secara penjenamaan bersama (*co-branding*).

Inisiatif KR1M 2.0 dilancarkan bagi tujuan penambahbaikan kepada KR1M sebelum ini dengan membabitkan kerjasama daripada pelbagai pihak. KR1M 2.0 juga bakal membuka peluang perniagaan kepada pengeluar dan pengilang tempatan dan pada masa yang sama membolehkan rakyat mendapat produk keperluan asas dan berkualiti pada harga yang lebih murah dan kompetitif daripada pasaran.

Secara umumnya, pelaksanaan KR1M 2.0 dilaksanakan melalui kerjasama strategik dengan syarikat peruncitan yang berkaliber dan berkeupayaan tanpa bantuan kewangan dari pihak Kerajaan.